

MyGDI

NEWSLETTER



KEMENTERIAN SUMBER ASLI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

EDISI 2 TAHUN 2023

- BAGAIMANAKAH DATA GEOSPATIAL DIKONGSIKAN DALAM PROGRAM MyGDI? [Halaman 1](#)
- NANTIKAN PENGANJURAN SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KE-9 [Halaman 2](#)

BAGAIMANAKAH DATA GEOSPATIAL DIKONGSIKAN DALAM PROGRAM MyGDI?

12 KATEGORI DATA GEOSPATIAL

- Aeronautical
- Built Environment
- Demarcation
- Geology
- Hydrography
- Hypsography
- Soil
- Transportation
- Utility
- Vegetation
- Special Use
- General



Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial

Data geospasial terbahagi kepada 12 kategori merujuk kepada dokumen MS1759. Di bawah Program MyGDI, data fundamental adalah fitur utama yang telah dikenal pasti

berdasarkan keperluan pengguna dan disimpan di Pusat Data Geospasial (GDC) bagi tujuan perkongsian dan pelepasan maklumat geospasial antara agensi kerajaan (G2G) serta akademia (G2E).

PGN selaku peneraju Program MyGDI bertanggungjawab terhadap data geospasial ini melalui penyelarasan bersama pelbagai custodian data dan Agensi Pembekal Data (APD). Agensi-agensi ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dalam **Mesyuarat Agensi Tunjak dan Custodian Data Geospasial** bagi setiap kategori untuk menentukan kesepakatan dalam polisi perkongsian data geospasial yang telah dihasilkan. Kejayaan daripada setiap kolaborasi ini dapat memperkasa objektif Program MyGDI di samping penghasilan data GDC yang berintegriti dan boleh dipercayai.

NANTIKAN PENGANJURAN SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KE-9

SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN
2023
NGIS KE-9
REVOLUSI GEOSPATIAL DALAM CABARAN DIGITAL

17 - 18 OKTOBER 2023 | **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

PENGANJUR UTAMA
PUSAT GEOSPATIAL NEGARA (PGN)
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

Imbas Kod QR

Layari portal NGIS ke-9:
<https://www.mygeoportal.gov.my/ms/ngis-9>

Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan (NGIS) ke-9 dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Pusat Geospasial Negara (PGN) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di peringkat kebangsaan mengenai peranan PGN, NRECC dalam memacu perkongsian dan pelepasan maklumat geospasial bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

“**Revolusi Geospasial Dalam Cabaran Digital**” telah dipilih sebagai tema NGIS ke-9 selari dengan perkembangan era digital masa kini yang sangat progresif serta canggih, membantu kerajaan dan rakyat dalam urusan harian serta memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi. Perkembangan pesat ini mewujudkan pelbagai cabaran baru termasuk bidang geospasial yang turut terkait dengan teknologi digital.

NGIS ke-9 pada kali ini akan dilangsungkan pada **17-18 Oktober 2023** bertempat di **Hall B, Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya**. Kepada para peserta yang telah mendaftar, jumpa anda di sana!

Layari <https://www.mygeoportal.gov.my/ms/ngis-9> untuk maklumat lanjut!

Diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8886 1156
FAKS: 03-8889 4851



KEMENTERIAN SUMBER ASLI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM